

CNS1382
U GB 26-07 00175 BH746
bah

Mahathir - BN

PRERINTAHAN BN SECUCUK DENGAN ISLAM: MAHATHIR

KOTA BAHARU, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pemerintahan kerajaan Barisan Nasional yang memberikan keadilan kepada semua pihak, termasuk bukan Islam, adalah mengikut kehendak Islam.

"BN mempunyai dasar pemerintahan yang tepat, dan tidak ragu-ragu, pemerintahannya adalah secucuk dengan negara ini yang mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama...malah apa yang kita lakukan tidak bertentangan dengan Islam," kata Perdana Menteri.

Malaysia akan tunjukkan kepada dunia bahawa pemerintahan Islam adalah pemerintahan yang adil supaya lebih banyak negara lain boleh menerima pemerintahan yang diterajui oleh umat Islam, katanya ketika berucap pada perhimpunan Barisan Nasional Kelantan, di Dewan Perniagaan Cina di sini.

Dr Mahathir berkata, sebaliknya usaha untuk menunjukkan imej pemerintahan Islam secara ekstrim, tidak adil, menekan dan menindas pihak yang lain, sebenarnya memburukkan imej Islam dan agama Islam sendiri.

"Oleh itu, tidak perlu golongan ini dibenarkan memerintah walaupun hanya sekejap," katanya disambut tepukan gemuruh 2,000 orang yang hadir. --
lagi

▼26/07/19-23MST
U GB 26-07 00160 BH747
bah

Mahathir - BN 2 Kota Baharu

Perdana Menteri berkata dasar kerajaan BN ialah memerintah negara secara adil, kepada semua pihak - Islam dan bukan Islam - kerana keadilan menentukan keamanan.

Katanya apabila negara ini aman, rakyat tidak akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara negatif seperti rusuhan kaum, sebaliknya kepada kebaikan dalam hidup mereka seperti penguasaan ilmu kecekapan dan dengan itu negara tidak perlu bergantung kepada negara-negara lain.

Beliau berkata ada negara Islam yang kononnya bebas, tetapi tidak betul-betul bebas kerana bergantung kepada orang lain dan Malaysia tidak mahu terjadi seperti itu.

Perdana Menteri berkata ada sesetengah pihak memerintah secara menindas dan cuba menidakkan hak orang lain "serta cuba larang itu dan ini, yang tidak dilarang oleh (agama) orang itu sendiri."

Beliau berkata semua itu boleh menimbulkan ketegangan di kalangan pelbagai kaum yang terdapat di negara ini dan jika berlaku ketegangan, kemakmuran serta kebebasan tidak akan wujud. -- lagi

▼26/07/19-47MST

bah

Mahathir - BN 3 (Akhir) Kota Baharu

"Tidak semestinya seseorang itu boleh melakukan semua kerja," kata Dr Mahathir sambil memberi contoh jika ulama, dia perlu menumpukan kepada bidang mengajar agama, tetapi bukan bidang yang lain.

Dr Mahathir sendiri mengaku, beliau tidak mempunyai kepakaran untuk melakukan semua tugas.

"Yang menjadi masalah di Kelantan ini, ialah meletakkan orang yang bukan pakar pada tempatnya dan oleh itu sistem pentadbirannya akan rosak.

"Kalau doktor pergi bicara ke mahkamah, sudah pasti tidak kena pada tempatnya, dan yang jadi masalah di Kelantan orang yang ikhlas, jujur, pemegang kepada agama Islam, mesti mengakui kalamahannya," katanya.

Beliau juga membidas kerajaan Kelantan yang gagal menuhaijan janji-janjinya kepada rakyat termasuk melaksanakan hukum hudud dan suka pula meniru pindaan yang dilakukan oleh kerajaan Sabah.

Katanya pemimpin kerajaan negeri telah memberitahu kepada masyarakat Cina Kelantan bahawa mereka terpaksa melauangkan pelaksanaan hukum hudud kerana UMNO mencabarnya.

"Oleh itu, perjuangan kerajaan PAS bukan kerana Islam, tetapi kerana dicabar oleh UMNO," kata Dr Mahathir. -- Bernama

HT AHM MAT

▼26/07/19-55MST